

**NO. SOALAN : 106**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK MAS ERMIEYATI BINTI  
SAMSUDIN [ MASJID TANAH ]**

**SOALAN :**

**YB. Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ] minta  
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan kejayaan  
kempen Tahun Melawat Malaysia setakat ini serta langkah dalam  
mempromosikan Malaysia kepada "budget travellers" terutamanya mereka  
yang berkunjung ke negara ini melalui Air Asia.**

**JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia telah mencatatkan ketibaan seramai **27,437,315 pelancong asing** pada tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak 6.7% berbanding dengan tahun 2013 dengan ketibaan seramai **25,715,460 pelancong asing**. Manakala, dari segi pendapatan pelancongan pula, Tahun Melawat Malaysia 2014 telah mencatatkan sebanyak **RM72 bilion** iaitu merupakan peningkatan sebanyak 10% berbanding dengan tahun 2013 iaitu sebanyak RM65.4 bilion.

Kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 telah pun berjaya mengekalkan momentum kedatangan pelancong asing ke negara ini di sebalik beberapa insiden yang berlaku di luar kawalan seperti tragedi MH370, MH17, QZ8501, isu penculikan dan keselamatan perairan di Sabah serta kejadian banjir yang melanda beberapa buah negeri di Malaysia.

Berhubung dengan langkah bagi mempromosikan Malaysia kepada *budget traveller* ini, Kementerian melalui Tourism Malaysia telah mengenal pasti beberapa strategi bagi mempromosikan negara kepada pasaran *budget traveller*. Memandangkan kumpulan pelancong ini kebanyakannya terdiri daripada golongan muda, Kementerian telah memberikan fokus kepada pengiklanan secara interaktif pada laman web Tourism Malaysia dan menerusi platform media sosial seperti Facebook dan Twitter. Selain itu, Tourism Malaysia juga telah menganjurkan lawatan Suai Kenal/Mega Fam kepada media yang mempromosikan segmen pelancongan bajet.

Sekian, terima kasih.